

DEWAN Bahasa dan Pustaka (DBP) atau nama asalnya, Balai Pustaka, ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru, Johor, sebagai jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran. Penubuhan DBP bertujuan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang akan merdeka ketika itu. Di peringkat awal, DBP mengorak usaha murninya di Bukit Timbalan, Johor Bahru.

Hasil Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang berlangsung di Singapura dan Johor Bahru pada 16 hingga 21 September 1956, kerajaan menerima cadangan kongres yang mahu menukarkan nama Balai Pustaka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Di samping itu, DBP dinaikkan taraf sebagai agensi awam yang mempunyai anggota lembaga pengelolanya sendiri.

Pada 1957, DBP berpindah ke Kuala Lumpur dan ditempatkan di bekas bangunan wad hospital di Jalan Young. Perpindahan ini bagi memudahkan segala pelaksanaan tugas DBP – selaras dengan pengisytiharan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi bahasa rasmi tunggal negara. Biar pun berumur “setahun jagung” dan beroperasi di sebuah pejabat yang usang lagi daif, DBP tetap bersemangat waja mendepani segala cabaran.

Pada 1959, DBP sekali lagi menempa kejayaan apabila dinaikkan taraf menjadi badan berkanun melalui Ordinan Dewan

# DBP dalam Lipatan Sejarah

Bahasa dan Pustaka 1959. Dengan kenaikan taraf ini, DBP diberikan kuasa autonomi, iaitu:

- Menggubal dasarnya yang khusus.
- Menyusun program pembinaan serta pengembangan bahasa dan sastera.
- Menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif menurut prinsip amalan perusahaan dan profesion penerbitan.

Kuasa autonomi di atas juga selaras dengan matlamat utama DBP untuk membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan sesuai dengan dasar negara dan hasrat rakyat.

Pada 31 Januari 1962, DBP berpindah ke bangunan sendiri di Jalan Lapangan Terbang Lama (sekarang Jalan Dewan

Bahasa). Perpindahan ini memberikan gambaran betapa bersungguhnya DBP memainkan peranannya sebagai institusi yang menjulangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Pada 1977, DBP mengembangkan sayapnya ke Malaysia Timur dengan membuka dua cawangan, iaitu DBP Cawangan Sabah yang beribu pejabat di Kota Kinabalu dan DBP Cawangan Sarawak yang beribu pejabat di Kuching. Kedua-dua cawangan ini menjalankan tugas pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera, di samping membantu ibu pejabat DBP di Kuala Lumpur menjalankan tugas penerbitan dan pemasaran buku di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya diikuti pula dengan pembukaan tiga Pejabat DBP Wilayah, iaitu DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam,

juga tercetus sebagai pernyataan kesedaran baharu terhadap jati diri dan nilai budaya Melayu-peribumi pada zaman pascakolonial.

Titik tolak pembicaraan ini dimulakan dengan peristiwa yang kelihatan biasa, tetapi mengundang beberapa renungan. Pada 14 April yang lalu, *Ensiklopedia Sains dan Teknologi*, dilancarkan oleh Menteri Pelajaran, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Tidak syak lagi, ensiklopedia ini merupakan penerbitan yang hebat. Hal ini demikian kerana pelbagai entri sains dan teknologi, dalam beberapa bidang dan subbidang ilmu, ditulis oleh sarjana tempatan menggunakan bahasa Melayu. Sungguhpun projek besar ini yang merupakan hasil kerjasama antara Universiti Teknologi Malaysia dengan DBP, hanya menjadi realiti setelah kira-kira 10 tahun diusahakan, penerbitan ini amat penting kerana merupakan salah satu ensiklopedia sains dan teknologi karya asli dalam bahasa Melayu.

Sejak mula digagaskan, ensiklopedia ini dianggap sebagai projek berkepentingan nasional. Hal ini tidaklah menghairankan apa-

bila memikirkan bahawa 10 tahun yang lalu bahasa Melayu memang berkembang ke arah menjadi bahasa ilmu, termasuk dalam bidang sains dan teknologi.


Namun, apabila ensiklopedia tersebut diterbitkan pada 2006, bahasa Melayu sedang mengalami era “penyisihan” dalam sistem pendidikan, terutamanya untuk mata pelajaran Sains dan Matematik yang dikuatkuasakan pengajarannya dalam bahasa Inggeris sejak beberapa tahun yang lalu. Memang tepatlah ungkapan Melayu yang menyatakan, “bukan salah ibu mengandung”. Ibarat anak, ensiklopedia itu dilahirkan pada tempat dan waktu yang kurang sesuai.

Tujuan utama penerbitan sesebuah ensiklopedia ialah menjadi sumber rujukan untuk tempoh yang panjang. Fungsi ini diperlihatkan oleh beberapa ensiklopedia utama dunia, kerana biasanya sejarah, proses atau konsep sesuatu entri tidak berubah. Perkara yang berubah ialah data tentang penduduk dan sebagainya yang pada kebiasaannya diterbitkan dalam jilid khas secara tahunan atau dua tahun sekali, sebagai penerbitan sampingan ensiklopedia induk.

Bukanlah bermakna oleh sebab *Ensiklopedia Sains dan Teknologi* dilahirkan pada tempat dan waktu yang kurang sesuai, ia tidak memberikan sebarang manfaat. Penerbitan ini masih boleh dirujuk, menjadi bacaan awam atau dijadikan sumber perbandingan. Namun bagi pelajar, mahasiswa, dan pengajar di institusi pengajian tinggi yang dibiasakan dengan istilah Inggeris “semula”, rujukan ensiklopedia ini merupakan proses song-sang – mereka terpaksa mencari padanan istilah dalam bahasa Inggeris bagi istilah sains dan teknologi bahasa Melayu yang terdapat dalam ensiklopedia ini.

Menteri Pelajaran amat menyedari dilema ini. Dalam ucapannya pada majlis pelancaran ensiklopedia tersebut, beliau memberikan penekanan kepada dua perkara; pertama, usaha memperkasakan bahasa kebangsaan; kedua, membina sebuah bangsa Malaysia dalam kerangka Wawasan 2020 mengikut acuan kita sendiri.

Sehubungan dengan hal itu, wajar kiranya tulisan ini menyentuh “acuan bahasa”, iaitu acuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa sastera, dan bahasa media.



Pada 1957, DBP berpindah ke Kuala Lumpur dan ditempatkan di bekas bangunan wad hospital di Jalan Young.

**BANGUNAN** DBP berubah wajah setelah 50 tahun ditubuhkan.

Pulau Pinang (1999), DBP Wilayah Timur di Kota Bharu, Kelantan (1999), dan DBP Wilayah Selatan, Johor Bahru, Johor (2000). Pembukaan ini adalah untuk membantu menyebarkan bahasa dan budaya Melayu hingga ke Thailand, negara-negara Indo-China, Sumatera, dan Singapura.

#### Bangunan Baharu Ibu Pejabat DBP

Perjanjian penswastaaan pembinaan Bangunan Baharu Ibu Pejabat DBP ditandatangani pada 23 Ogos 1996 antara Kementerian Pendidikan Malaysia (sekarang Kementerian Pelajaran) bagi pihak Kerajaan

Malaysia dan DBP dengan Anjung Bahasa Sendirian Berhad (syarikat pemegang konsesi). Bangunan ini dibina melalui konsep Bina - Kendali - Pinda (BOT) dan mula dibina pada 1997 dan siap pada 2002.

Bangunan baharu Ibu Pejabat DBP mengandungi tiga blok utama, iaitu Blok Menara, Podium, dan Auditorium. Blok Menara setinggi 31 tingkat mengandungi ruang pejabat dan ruang tempat letak kereta di bawah tanah sebanyak tiga tingkat yang boleh menempatkan 557 buah kereta.

Sementara Blok Podium pula mengandungi lima tingkat yang menempatkan Dewan Seminar, Dewan Bankuet, Galeri Penulis, Pusat Dokumentasi Melayu, dan sebagainya. Manakala Blok Auditorium boleh memuatkan sebanyak 530 orang penonton pada satu masa dan direka bentuk bagi memenuhi keperluan pementasan teater dan aktiviti bahasa, sastera dan budaya.

Reka bentuk bangunan ini berkonsepkan reka bentuk Malaysia yang unik, iaitu gabungan reka bentuk tradisi Melayu dan Islam di Malaysia. Antara reka bentuk Melayu ialah bahagian bumbung dan bentuk podium yang diambil daripada reka bentuk rumah Melayu utara. Sementara bahagian luar menara pejabat pula mengambil konsep reka bentuk tingkap panjang rumah Melayu dan bentuk rehal di bahagian bumbung Blok Menara melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Penampilan bahasa Melayu dalam ketiga-tiga bidang ini menyerlahkan sejauh mana kuasa wacana bahasa Melayu itu sendiri.

#### Bahasa Ilmu

Dalam ucapannya yang penting sekitar awal 1960-an, bekas Pengarah DBP yang kedua, Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail, pernah menyatakan, "Apabila disebut memajukan dan meluaskan perkembangan bahasa, tidak dapat tidak terbabitlah soal kesusasteraan, kerana kemuncak kemajuan dan perkembangan bahasa ialah menjadi alat menyampaikan buah fikiran baik dalam bentuk pengetahuan mahupun dalam bentuk kesusasteraan."

Berikutan itu, usaha memajukan, meluaskan, dan memperkasakan bahasa kebangsaan hendaklah dianggap sebagai proses berterusan menuju puncak tamadun berasaskan bahasa kebangsaan. Dalam proses tersebut bahasa kebangsaan menjadi alat menyampaikan buah fikiran, baik dalam bentuk pengetahuan atau kesusasteraan. Sebagai alat menyampaikan buah fikiran, kedua-dua bentuk itu mestilah kontekstual, artinya berhubung kait dengan sistem pen-

didikan dan sosial yang ada, serta memberikan manfaat langsung kepada khalayaknya.

Di DBP, usaha menerbitkan buku-pengertahuan merupakan kegiatan yang bermula sejak awal 1960-an, ketika DBP beroperasi di bangunan usang bekas bangunan wad hospital di Jalan Young, Kuala Lumpur. Program penerbitan DBP meliputi beberapa fungsi dan bidang, iaitu penerbitan bahasa; penerbitan sastera; penerbitan majalah dan jurnal; penerbitan ensiklopedia; penerbitan buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah; buku agama, falsafah dan tamadun Islam; sains dan teknologi; serta sains sosial dan kemanusiaan. Bahan penerbitan yang dikeluarkan untuk pelbagai peringkat - kanak-kanak, remaja dan dewasa - sama ada sebagai bacaan umum atau rujukan.

Selain DBP, puluhan penerbit lain di negara ini, terutamanya penerbit yang dimiliki oleh orang Melayu, terus berusaha menerbitkan buku dalam bahasa Melayu. Sumbangan mereka amat penting dalam upaya memperkasakan bahasa kebangsaan melalui penerbitan. Sungguhpun kadar penerbitan buku di negara ini (seperti yang semakin lantang

disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran) seharusnya mencapai tahap 0.1 peratus daripada jumlah penduduk negara semasa, penerbitan dalam bahasa Melayu terutamanya karya sastera, bimbingan, motivasi dan agama, tampaknya berkembang secara sihat.

Bagi penerbitan dalam bidang sains dan teknologi, banyak penerbit mengambil langkah penyesuaian secara berhati-hati. DBP agak terkecuali kerana tanggungjawab sosialnya untuk terus menerbitkan buku sains dan teknologi dalam bahasa Melayu, tidak terlalu mengikatnya dengan perkiraan untung rugi. Namun, bagi penerbit swasta, mereka memerlukan perancangan yang lebih teliti. Penerbit IPT juga khabarnya semakin menyesuaikan diri dengan polisi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang memberikan kesan langsung terhadap buku bidang tersebut dalam bahasa Melayu.

#### Bahasa Sastera

Banyak pihak yang bersetuju dengan pendapat Allahyarham Tun Syed Nasir